

NO.SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH : 17.03.2014 (ISNIN)

TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERDAGANGAN**
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN menyatakan apakah tindakan
yang akan diambil sekiranya hasil kajian Jawatankuasa Khas
Menangani Kos Sara Hidup mendapati monopoli atau oligopoli
merupakan antara punca kenaikan harga barangan asas seperti gula
dan beras akibat tiada persaingan niaga yang sihat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi terbuka di mana pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Di antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidakceapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barangan yang diimport. Faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga.

Selain daripada itu, lazimnya harga barangan akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan menaikkan harga barang di pasaran oleh sesetengah peniaga atau pengedar (*distributor*) adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam kos pengeluaran atau juga disebabkan oleh manipulasi pasaran melalui aktiviti anti persaingan termasuk pakatan atau perjanjian sesama peniaga (kartel) dan juga penyalahgunaan kuasa pasaran yang dimiliki oleh sesetengah peniaga di peringkat rangkaian perniagaan.

Sehubungan itu, bagi membanteras aktiviti anti-persaingan seperti kewujudan monopoli, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta ini) semenjak 1 Januari 2012 telah menjalankan pelbagai aktiviti penguatkuasaan. Keberkesanan usaha penguatkuasaan MyCC ini dapat dilihat melalui keputusan penuh (*final decision*) dan cadangan-cadangan keputusan (*proposed decision*) yang telah dikeluarkan oleh pihak MyCC. Baru-baru ini pada 20 Februari 2014, pihak MyCC telah mengeluarkan satu cadangan keputusan terhadap 26 pengilang-pengilang ais yang telah didapati menjalankan satu aktiviti pakatan harga yang menjadi pelanggaran di bawah seksyen 4(2)(a) Akta ini.